

Headline **Orang lelaki kena periksa diri HAIZA**
Date **20 Jun 2010**
MediaTitle **UrTV**
Section **NEWS**
Journalist **N/A**
Frequency **Fortnight**
Circ / Read **35,545 / 161,580**

Language **Malay**
Page No **63**
Article Size **350 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,586**
PRValue **4,759**



Orang lelaki kena periksa diri - HAIZA

PENYANYI dangdut **HAIZA**, mengingatkan kaum lelaki agar menjaga kesihatan diri di luar dan dalam mereka. Kata Haiza bila dia membaca majalah *i-Sihat* (edisi terbaru di pasaran), dia terkejut, **ramai isteri atau perempuan boleh mendapat kanser kerana meniduri lelaki yang berpenyakit.**

"Haiza jadi takut bila dapat tahu ada perempuan kena penyakit kanser serviks kerana lelaki. Uh! Bahaya itu. Mujurlah hal macam ini didedahkan. Ramai yang tidak sedar hal ini. Kempen mengenai kesihatan di negara kita ini tidak kencang. Kalau dah datang satu penyakit mengancam, barulah sibuk keluar kempen.

"Dengan adanya majalah seperti *i-Sihat* ini, **dapatlah membantu kita yang nak tahu soal penyakit dan kesihatan** dengan lebih dekat. Berbalik tentang kanser serviks yang menakutkan perempuan ia dikatakan datang daripada lelaki. Justeru, pemeriksaan kesihatan terhadap lelaki dan perempuan sebelum dan sesudah kahwin sesuatu yang baik. Jangan

masa belum kahwin saja, ke klinik. Lepas kahwin, tak ambil peduli lagi.

"Lagi satu, mereka yang suka mengamalkan kehidupan tidak sihat perlu ingat, penyakit seks bukan saja HIV atau AIDS ada banyak jenis lain. Itu kena jaga. Tengoklah, ada yang sampai boleh membawa kanser.

"Orang lelaki kena tahu, jangan perempuan saja kena mengambil peduli soal luaran dan 'dalaman', **lelaki pun kena tahu untuk menjaga diri dan 'benda' mereka.**

"**Ingatlah, lelaki yang sibuk mementingkan nafsu sendiri, dikhuatiri membawa masalah kepada isteri dan anak-anak,**" katanya.

"Mujurlah Haiza berkahwin dengan lelaki yang mengamalkan kebersihan dan kesihatan yang baik. Alhamdulillah kami berdua menjalani kehidupan sihat," katanya tentang suaminya, Hanaphe, seorang pemain hoki di sebuah bank. Tidak dinafikan, suami Haiza bukan saja *handsome* tetapi sejak dulu, tampil kemas, bersih dan menyenangkan.

"Macam Haiza dan suami kami tidak takut ke klinik untuk melakukan sebarang pemeriksaan kesihatan sebelum dan sesudah kahwin," pesannya.

Haiza bersetuju dengan ada pendapat mengatakan, ramai lelaki sekarang tidak mepedulikan soal penampilan diri. Ada

yang tidak berasa malu, badannya berbau peluh, ada yang tidak kisah, kukunya hitam, ada pula membiarkan rambut busuk dan tidak kisah soal penjagaan diri. Kalau sudah di luar pun nampak tak terjaga, apatah lagi yang 'di dalam'?

Oleh itu, kepada kaum lelaki, fikirkanlah masak-masak tentang pendapat salah anda tentang tidak perlu sangat cerewet jangan diri seperti perempuan. Ingat ya, jangan asyik sibuk 'membakar duit' dengan membeli rokok atau benda tidak berfaedah. Hendaknya, tidak kedekut duit dan malu untuk memeriksa diri dan kesihatan. Turunkan ego tinggi anda.

Kepada anda yang belum membaca majalah *i-sihat*, apa salahnya mendapatkannya untuk maklumat kesihatan. *i-Sihat* juga adalah majalah kesukaan Huzz di rumah, selain majalah lain. - **Oleh: HUZZ**

